

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ACW 212 - Perakaunan Korporat I

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Kajian Kes Untuk Bahagian A

Kunci Kira-kira pada 31 Desember 2000 untuk kumpulan Focus Bhd. Adalah seperti berikut:

	Focus Bhd. RM'000	Subject Bhd. RM'000	Field Bhd. RM'000
Aset Tetap			
Tanah milikbebas	588	544	230
Loji dan peralatan	980	128	450
	1,568	672	680
Pelaburan			
Subject	1,528	-	-
Field	280	512	-
Lain-lain			120
	1,808	512	120
Aset Semasa			
Inventori	168	576	200
Penghutang	292	272	100
Tunai dan baki di bank	910	496	50
	1,370	1,344	350
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	280	256	190
Peruntukan cukai	240	-	30
	520	256	220
Liability Jangka Panjang dan Tertunda			
Pinjaman jangka panjang	1,120	144	80
8% Debentur	-	320	-
	1,120	464	80
	<u>3,106</u>	<u>1,808</u>	<u>850</u>
Saham biasa (RM1)	1,120	480	200
10% Saham keutamaan (RM1)	200	256	-
Premium saham	420	-	-
Keuntungan tertahan	1,366	1,072	650
	<u>3,106</u>	<u>1,808</u>	<u>850</u>
	-	-	-

Kajian Kes Untuk Bahagian A

	Tarikh perolehan	Kepentingan	Kos RM'000	Rizab RM' 000
Focus Bhd.: kepentingan di				
Subject Bhd.	1 Januari 1992	80%	1,400	860
Field	1 Januari 1999	20%	280	120
Subject Bhd.: kepentingan di				
Field	1 Januari 1999	40%	512	120

Maklumat berikut adalah relevan bagi penyediaan penyata kewangan kumpulan:

1. Subject Bhd. menjelaskan 10% dividen dari rizab pra perolehan pada 1 Januari 1992.
2. Focus Bhd. memperolehi 40% kepentingan debentur Subject Bhd. pada kos RM128,000.
3. Pada tarikh penyatuan, nilai buku aset dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama.
4. Muhibah akan dilunaskan dalam tempoh 5 tahun.
5. Focus Bhd. menjual stok kepada Subject Bhd. bernilai RM200,000 dengan margin keuntungan 20% atas jualan. Subject Bhd. telah menjual 80% inventori tersebut.
6. Termasuk dalam inventori akhir Focus Bhd. adalah inventori membeli dari Field Bhd. bernilai RM40,000. Margin keuntungan Field Bhd. ialah 25% atas kos.
7. Dividen dan faedah akan di peruntukkan:

Focus Bhd.:	Saham biasa	20%
Subject Bhd.:	Saham biasa	10%
	Saham keutamaan	Setengah tahun
	Debentur	Setengah tahun

Bahagian A (40 markah)

Soalan 1 (20 markah)

- (a) Melukiskan gambar rajah struktur kumpulan dan mengirakan pembahagian kepentingan bagi Perdana Bhd. [5 markah]
- (b) Mengirakan muhibah untuk Subject Bhd. dan Field Bhd. [5 markah]
- (c) Mengirakan keuntungan tidak direalis dalam inventori pada tempoh perakaunan terakhir. [5 markah]
- (d) Mengirakan kepentingan minoriti dalam Subject Bhd. and Field Bhd. [5 markah]

Soalan 2 (20 markah)

Dengan menggunakan jawapan dari soalan 1, menyediakan kunci kira-kira disatukan untuk Focus Bhd.

[20 markah]

Bahagian B (60 markah)

Soalan 3 (20 markah)

Mulu Bhd. menamatkan gabungan dengan Guru Bhd. pada 1 Januari 2001 melalui pertukaran saham. Dari pertukaran saham ini Mulu Bhd. memegang 90% kepentingan dalam Guru Bhd. Mulu Bhd. menerbitkan 144 juta saham kepada pemegang saham Guru Bhd. pada nilai RM2.50. Belanja penggabungan dijangka berjumlah RM2 juta.

Kunci Kira-kira bagi kedua-dua syarikat pada 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:

	Mulu Bhd.	Guru Bhd.
	RM'000	RM'000
Aset tetap	520,000	492,000
Aset semasa	304,000	246,000
Liabiliti semasa	(64,000)	(34,000)
Liabiliti jangka panjang	(144,000)	(98,000)
	<u>616,000</u>	<u>606,000</u>
Saham biasa (RM1)	320,000	200,000
Rizab nilai semula	40,000	160,000
Keuntungan tertahan	256,000	246,000
	<u>616,000</u>	<u>606,000</u>
	-	-

Nota:

- (1) Perakaunan untuk gabungan perniagaan tersebut belum lagi di rekodkan dalam buku Mulu Bhd.
- (2) Guru Bhd. menjual barangan kepada Mulu Bhd. berjumlah RM16 juta pada margin keuntungan 20% atas jualan. Pada akhir tahun, Mulu Bhd. masih mempunyai RM4 juta barangan tersebut di dalam stok.

Dikehendaki:

- (a) Menyediakan kemasukan jurnal dalam Buku Mulu Bhd. untuk merekodkan gabungan perniagaan dengan Guru Bhd. [4 markah]
- (b) Menyediakan Kunci Kira-kira disatukan pada 31 Disember 2001. [16 markah]

Soalan 4 (20 markah)

Penyata kewangan disatukan untuk River Bhd.(sebelum penyatuan Stream Bhd.) dan penyata kewangan Stream Bhd. adalah seperti berikut:

Penyata Pendapatan Pada 31 Mei 2002	River Bhd. Kumpulan RM	Stream Bhd. RM
Hasil	400,000	290,000
Kos jualan	<u>(175,000)</u>	<u>(101,000)</u>
Untung kasar	225,000	189,000
Kos pengedaran	<u>(45,990)</u>	<u>(41,580)</u>
Untung sebelum cukai	179,010	147,420
Belanja cukai pendapatan	<u>(52,650)</u>	<u>(42,120)</u>
Untung bersih bagi tempoh	126,360	105,300
Baki pada 1 Januari 2001	<u>322,218</u>	<u>284,310</u>
	<u><u>448,578</u></u>	<u><u>389,610</u></u>

Kunci Kira-Kira Pada 31 Mei 2002	River Bhd. Kumpulan RM	Stream Bhd. RM
Loji dan peralatan	421,200	315,900
Pelaburan syarikat subsidiari	379,080	0
Aset Semasa	369,198	328,410
Liability semasa	<u>(89,100)</u>	<u>(44,100)</u>
	<u><u>1,080,378</u></u>	<u><u>600,210</u></u>
Saham biasa RM1	631,800	210,600
Rizab	<u>448,578</u>	<u>389,610</u>
	<u><u>1,080,378</u></u>	<u><u>600,210</u></u>
	0	0

River Bhd. memperolehi 80% kepentingan di Stream Bhd. pada 1 Jun 1999, keuntungan tertahan Soup Bhd. pada tarikh tersebut ialah RM189,540. Muhibah akan dilunaskan dalam tempoh 4 tahun.

Pada 31 Mei 2002 River Bhd. menjual semua 80% kepentingan dalam Stream Bhd. bernilai RM760,500. Urus niaga tersebut belum lagi dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan River Bhd.

Dikehendaki:

(a) Mengirakan keuntungan jualan Stream Bhd. yang akan dimasukkan di penyata kewangan River Bhd. dan penyata kewangan disatukan.

[4 markah]

(b) Menyediakan penyata kewangan disatukan untuk River Bhd. pada 31 Mei 2002 selepas jualan Stream Bhd.

[16 markah]

...7/-

Soalan 5 (20 markah)

(a) Tuliskan definisi untuk istilah di bawah ini berpandukan MASB masing-masing:

- (1) Kepentingan minoriti (Minority interest);
- (2) Kawalan (Control);
- (3) Pengaruh signifikan (Significant influence);
- (4) Kombinasi perniagaan (Business combination);
- (5) Nilai saksama (fair value).

[15 markah]

(b) Nyatakan kaedah perakaunan “piecemeal acquisitions” berpandukan MASB 21 “Business Combination”.

[5 markah]